

ABSTINEN

Apa itu Abstinен?



(TP1) Arahan: Klik pada jawapan yang betul

Kemahiran menahan diri daripada melakukan perhubungan seksual sebelum nikah

Kemahiran mengelakkan diri daripada terjerumus dengan perkara-perkara negative seperti vandalisme

Kemahiran yang perlu ada dalam diri seorang remaja untuk menjadi seorang berakhlak mulia dan menghormati orang tua

Kemahiran sosial yang perlu dimiliki oleh pasangan kekasih yang belum bernikah untuk menjadikan mereka pasangan yang bertanggungjawab selepas berkahwin

(TP2) Arahan: Pilih jawapan yang *betul* atau *salah* berkaitan dengan kepentingan abstinен dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.

a) Mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan remaja dan orang dewasa yang belum bernikah	
b) Mengelakkan terjadinya seks sebelum nikah dan kelahiran bayi tidak sah taraf	
c) Mengurangkan bilangan kes remaja lari dari rumah akibat malu dan tidak tahan dengan cacian masyarakat kerana hamil luar nikah	
d) Mengelakkan berlakunya sumbang mahram dalam kalangan ahli keluarga terdekat	
e) Menyelamatkan diri daripada ajakan pasangan yang hanya menginginkan hubungan seks dan memainkan perasaan	
f) Memastikan hubungan antara rakan dan ahli keluarga dalam keadaan baik dan tidak bermusuhan antara satu sama lain	
g) Menjadikan negara lebih aman. Makmur, dan terhindar daripada kejian atau cacian daripada pelancong luar	
h) Menghindarkan diri daripada berlakunya kes menggugurkan bayi atau menyembunyikan kelahiran	

(TP3) Pilih cara menggunakan kemahiran abstinen dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah. Klik jawapan pilihan anda

Jessica, terima kasih kerana sudi keluar minum dengan saya. Boleh tak awak teman saya ke rumah David untuk mengambil barang?

Mengapakah awak seperti ingin mengelakkan diri daripada saya, Jessica? Awak seperti takut dengan saya. Saya tidak mempunyai niat buruk terhadap awak.

Saya ingin meluangkan lebih masa bersama dengan awak memandangkan kita jarang dapat keluar bersama. Saya juga suka berkawan dengan awak kerana awak seorang rakan yang baik, cantik dan sentiasa mengambil berat akan diri saya.

Baiklah, Jessica. Saya menghormati keputusan awak. Saya minta maaf jika saya terlalu mendesak awak. Tetapi, jika awak berubah fikiran, awak boleh beritahu saya.

